

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : DEWAN RAKYAT**

## KKM nafi kusta menular semula

Kementerian Kesihatan (KKM) semalam, menafikan dakwaan kononnya penyakit kusta kembali menular berikutan lambakan pekerja warga asing ke negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata mengikut statistik penyakit kusta mendapati penyakit itu terkawal dan mencatatkan penurunan sejak empat tahun lalu.

"Statistik kementerian mendapati 168 kes penyakit kusta baharu dilaporkan untuk tempoh sehingga 30 September lalu," katanya menjawab soalan Datuk Dr Nik Mazlan Nik Mohamad (PAS-Pasir Puteh).

**AKHBAR** : SINAR HARIAN  
**MUKA SURAT** : 10  
**RUANGAN** : NASIONAL

## Kes penyakit kusta terus menurun sejak 2013

**KUALA LUMPUR** - Bilangan kes penyakit kusta mencatatkan penurunan bagi tempoh 2013 hingga September 2017 iaitu daripada 306 kes kepada 168 kes, persidangan Dewan Rakyat diberitahu, semalam.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahya berkata, jumlah itu menunjukkan penyakit kusta berada dalam keadaan terkawal di negara ini.

"Berdasarkan statistik, bilangan kes terus menurun pada tahun berikutnya iaitu sebanyak 308 kes (2014), 210 kes (2015) dan 206 kes (2016). Jumlah kes baharu membabitkan warganegara juga menurun bagi tempoh 2013 hingga 2016 iaitu daripada 207 kes kepada 123 kes," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Pasir Puteh, Datuk Dr Nik Mazlan Nik Mohamad berhubung laporan media sosial tentang penyakit kusta menular kembali ke negara ini kesan penghijrahan warga asing dari India, Bangladesh, dan lain-lain yang tidak terkawal sejak 2013 hingga sekarang.

Sementara itu, Dr Hilmi berkata, kes baharu penyakit kusta dalam kalangan warga asing juga menurun sejak 2013 iaitu sebanyak 89 kes kepada 83 kes pada 2016.

Peratusan kes baharu pada 2016 pula menunjukkan warganegara Indonesia mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 68 peratus diikuti Nepal dan Filipina (14 peratus) serta Myanmar (empat peratus) dan tiada kes dicatatkan bagi warga India serta Bangladesh. - *Bernama*